

25/01/2003

Hikmah di sebalik rombakan kepemimpinan

KUALA LUMPUR: Rombakan besar-besaran Badan Perhubungan Umno Kelantan minggu lalu berjaya menyedarkan pemimpin Umno di negeri lain mengenai kemampuan mereka untuk meneruskan kepemimpinan peringkat negeri.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, berkata tindakan

Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan rombakan itu adalah satu signal kepada mereka dan pemimpin Umno negeri lain supaya menilai semula keupayaan diri untuk menerajui Umno peringkat negeri.

Beliau memberitahu Berita Harian demikian sebagai mengulas kesediaan pemimpin Umno negeri melepaskan jawatan masing-masing untuk memberi laluan

kepada muka baru jika pemimpin tertinggi parti itu mahu mewujudkan perubahan pada Umno bagi menguatkan parti.

Megat Junid berkata, keputusan Dr Mahathir itu menjadi simbol kepada pemimpin Umno hingga menyedarkan mereka sama ada layak atau tidak dan bersedia melepaskan jawatan untuk memberi laluan kepada muka baru menerajui kepemimpinan badan perhubungan negeri.

"Umno akan berhadapan dengan cabaran lebih besar dan berat, dan kesedaran mereka mungkin sesuai dengan moto 'di manakan ku cari ganti' dan

bukannya 'di manakan ku bertanding lagi'," katanya secara berseloroh.

Beliau berkata, pengumuman beberapa pemimpin Umno untuk melepaskan jawatan yang disandang menandakan kejujuran dan keikhlasan pemimpin berkenaan sesuai dengan saranan yang sering disampaikan pucuk pimpinan parti.